

## **BANTUAN INSENTIF PROGRAM JANGKA PENDEK LUAR NEGARA**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang mendapat tawaran untuk mengikuti program jangka pendek seperti latihan industri, bengkel, pertukaran penyelidikan dan yang berkaitan. Skop bantuan ini dikhkususkan untuk pelajar ke luar negara sahaja di peringkat Diploma dan ke atas.

### **KEKERAPAN**

Bantuan diberi sekali setahun sahaja.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pelajar Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pemohon hendaklah mengikut pengajian sepenuh masa.
3. Mendapat surat pengesahan daripada Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian berkenaan.
4. Keutamaan kepada pelajar yang perlu mengikuti program ini untuk memenuhi syarat kelayakan untuk mendapat sijil daripada Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian.
5. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan dari majikan atau sokongan kewangan bulanan (separuh atau lebih gaji sebulan).
6. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
7. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar sebelum program tersebut tamat.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Surat pengesahan dari pusat pengajian.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.